

MTEN, UMS rangka pelan tindakan pembangunan di empat daerah

Oleh **SYARMILAH
SALLEH**

SANDAKAN: Satu pelan tindakan bagi pembangunan di daerah ini akan disediakan oleh Majlis Tindakan Ekonomi Nasional (MTEN) dan Universiti Malaysia Sabah sebagai susulan kepada cadangan yang dibuat oleh Ketua Menteri Datuk Seri Musa Aman.

Pengerusi Majlis Perbandaran Datuk Adeline Leong berkata Sandakan adalah antara lima daerah di Pantai Timur yang dikenalpasti untuk pelan tindakan itu. Empat yang lain ialah Tawau, Lahad Datu, Semporna dan Kinabatangan.

“Penyelidik dan konsultan sebenarnya sudah datang ke sini pada 22 Oktober lalu,” katanya pada Mesyuarat Penuh Majlis itu di sini, Khamis lepas.

Katanya kumpulan yang diketuai oleh Prof Mohd Yusof dari UMS diberi taklimat komprehensif oleh Setiausaha Majlis Mohd Hamsan Awang Supain.



UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH